

NO. SOALAN: 44

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

TARIKH : **25 JULAI 2017 [SELASA]**

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah permohonan perkahwinan bawah umur yang diluluskan oleh Mahkamah Syariah pada tahun 2010 hingga 2017. Adakah latar belakang sosial ekonomi, agama, bangsa, luar bandar atau bandar mempunyai impak besar yang menyebabkan mereka berkahwin di bawah umur.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kuasa berkaitan hal ehwal Islam termasuklah urusan kebenaran perkahwinan oleh Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, jumlah permohonan perkahwinan bawah umur yang diluluskan oleh

Mahkamah Syariah hendaklah dirujuk kepada negeri-negeri berkenaan.

Ingin saya jelaskan, bahawa perkahwinan bawah umur tidak dibenarkan dalam Islam kecuali dengan persetujuan Mahkamah Syariah atas sebab-sebab yang dibenarkan dan bukan kebenaran secara total. Ini diperuntukan dalam Akta/Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri. Misalnya Seksyen 8 dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan)1984 (Akta 303). Bagi pihak-pihak yang memohon perlu mendapat persetujuan kedua-dua pihak ibubapa masing-masing dan Mahkamah Syariah akan memberi pertimbangan berdasarkan persetujuan tersebut. Dalam Islam, bersekedudukan tanpa nikah atau berzina adalah diharamkan, maka perkahwinan sedemikian dibenarkan bagi mengelakkan perzinaan.

Mengenai jumlah bilangan perkahwinan bawah umur, bagi Wilayah Persekutuan, berdasarkan semakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, jumlah bilangan permohonan perkahwinan bawah umur yang telah diluluskan dari tahun 2010 sehingga kini adalah sebanyak 238 kes.

Berhubung dengan punca yang menyebabkan mereka berkahwin pula, sehingga kini belum ada kajian yang menyeluruh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan di Mahkamah Syariah negeri-negeri yang menunjukkan bahawa latar belakang sosial ekonomi, luar bandar serta bandar dan sebagainya mempunyai impak yang menyebabkan mereka berkahwin di bawah umur.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kes-kes permohonan perkahwinan bawah umur yang tidak dibenarkan atau tidak diluluskan oleh Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan atas beberapa alasan antaranya seperti berikut:

- i. pemohon didapati tidak mampu menanggung nafkah isteri;
- ii. laporan akhlak yang diterima daripada pihak sekolah mengenai pemohon tidak memuaskan; dan
- iii. kefahaman pemohon mengenai ilmu agama termasuklah berkenaan ilmu rumahtangga yang tidak mencukupi atau memuaskan.

Sekian, terima kasih.